



NEGERI SABAH

JPAN(S):CC.111/93 KLT. 19

**PEKELILING PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH BIL.8 TAHUN 2014
PINDAAN NAMA KLASIFIKASI PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/
TIDAK MAHIR (R)**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah bertujuan memaklumkan Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menerimapakai keputusan Kerajaan Persekutuan mengenai mengenai pindaan nama Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R) kepada Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran (H) selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2013.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan usaha kerajaan untuk mengarusperdanakan pendidikan vokasional ke arah melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovatif dan berdaya saing, kerajaan bersetuju supaya Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R) dijenamakan semula bagi memberi pengiktirafan kepada perkhidmatan di bawah klasifikasi perkhidmatan berkenaan.

PINDAAN

3. Bagi melaksanakan hasrat tersebut, nama Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir dipinda kepada Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran. Berikutan dengan pindaan ini, skim perkhidmatan di bawah klasifikasi perkhidmatan tersebut dipinda kepada Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran dan gred jawatan/gaji dipinda daripada kod R kepada H.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2014**.


PEMBATALAN

5. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka nama Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)

Setiausaha Kerajaan Negeri

JABATAN KETUA MENTERI
KOTA KINABALU

Tarikh : 13 Februari 2014

s.k. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia,
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Bahagian Pembangunan Organisasi,
Aras 7-8, Blok C2, Parcel C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62510 Wilayah Persekutuan,
PUTRAJAYA.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri,
Tingkat 4, Blok B,
Wisma MUIS,
Peti Surat 10998,
88811 KOTA KINABALU.